

Acara Sukan Staf IPTA terpaksa diubah gelanggang

INSIDEN runtuh bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin yang menjadi gelanggang utama Kejohanan Sukan Staf Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Ke-34 semalam, tidak akan mematahkan semangat kontinjen-kontinjen yang bakal menyertai temasya tersebut.

Biarpun bersimpati dengan apa yang dihadapi oleh tuan rumah, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), namun semangat setiap kontinjen tetap membara untuk menyertai temasya yang dijadualkan berlangsung pada 4 hingga 13 Jun ini.

Justeru, bagi memastikan perjalanan temasya itu terus berjalan lancar dan semangat para peserta tidak terjejas, semua acara yang sepatutnya berlangsung di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin akan dialihkan ke gelanggang berdekatan iaitu di Kompleks Sukan di Gong Badak.

"Saya amat terkejut apabila mengetahui insiden runtuh ini. Nasib baik tiada sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku terhadap para peserta," kata Ahli Jawatankuasa Induk penganjur dan teknikal kejohanan, Nur Ekmal Buhary kepada *Kosmo!* semalam.

"Walaupun bersimpati dengan apa yang berlaku ini, namun kejohanan ini tidak akan ditangguhkan kerana ia akan dipindahkan ke Kompleks Sukan yang lama di Gong Badak.

"Satu mesyuarat pengurusan pasukan juga akan diadakan pagi esok (hari ini) untuk membincangkan sama ada Stadium Tertutup di Kompleks Sukan itu selamat atau tidak," kata Nur Ekmal.

Nur Ekmal menambah, acara olahraga dan tenpin boling yang sepatutnya dipertandingkan di stadium berkenaan akan dilangsungkan di Stadium Tertutup Gong Badak.

"Saya rasa tiada masalah untuk semua acara diadakan di stadium tersebut, cuma acara boling saja terpaksa diadakan di Kuala Terengganu kerana ia sepatutnya dijalankan di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin.

"Apa yang pasti, kami akan tetap memastikan kejohanan ini berlangsung dengan suasana meriah dan penuh semangat kesukanan," tambah Nur Ekmal yang juga pegawai sukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).



NUR EKMAL BUHARY